

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah menengah yang didaftarkan di Kementerian berbanding dengan jumlah sekolah rendah sedia ada dan adakah jumlah sekolah menengah yang sedia ada ini mencukupi untuk menampung jumlah pelajar sekolah menengah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara.

Berdasarkan rekod KPM, sehingga 25 Oktober 2021 bilangan sekolah yang berdaftar dengan KPM adalah sebanyak 10,751. Daripada jumlah tersebut, 2,448 sekolah menengah dan 7,780 sekolah rendah yang di bawah KPM manakala 523 buah sekolah merupakan sekolah swasta iaitu 391 adalah sekolah menengah dan 132 adalah sekolah rendah. Jumlah sekolah menengah ini merangkumi sekolah harian biasa dan sekolah khusus seperti kolej vokasional, sekolah berasrama penuh, sekolah menengah teknik, sekolah menengah pendidikan khas, Sekolah Sukan Malaysia, Sekolah Seni

SOALAN NO : 32

Malaysia, sekolah menengah kebangsaan agama dan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyedari wujud kesesakan di beberapa kawasan disebabkan pertambahan kepadatan penduduk. Sehubungan itu, KPM secara berterusan akan memastikan kesesakan murid di satu-satu kawasan dapat ditangani dengan pembinaan bangunan tambahan dan sekolah baharu. Secara umumnya, KPM akan melaksanakan analisis keperluan dengan mengambil kira kesediaan tapak, bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada yang berhampiran, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (*catchment area*) serta perancangan pembangunan kawasan tersebut.

Pada masa ini, sebanyak 91 projek pembinaan sekolah menengah baharu sedang dalam proses pembinaan. KPM juga telah mengemukakan permohonan untuk membina 9 buah sekolah menengah baharu dalam RMKe-12 *Rolling Plan* 2 tahun 2022. Permohonan ini masih dalam pertimbangan pihak agensi pusat dan kelulusan adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Dengan pembinaan sekolah menengah baharu tersebut, ia akan dapat menampung jumlah murid sekolah menengah di seluruh negara.